

# PM gesa rakyat negara2 Islam kurangkan sengketa

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengesa rakyat negara-negara Islam dan dunia ketiga supaya mengurangkan sengketa sesama sendiri dan konflik dengan Jiran-Jiran, serta memberi perhatian kepada pembangunan dan mengukuhkan hubungan antara mereka.

Perdana Menteri menyatakan rasa keal Malaysia bahawa Jawatankuasa Keamanan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC), yang dianggotai oleh negara ini dan Turki, masih belum berjaya menamatkan konflik yang tidak berhadah antara Iran dan Iraq.

Katanya, perjuangan membebaskan Palestin semakin jauh dari penyelesaian, peljuang-peljuang Mujahideen Afghanistan masih belum mencapai kemenangan walaupun dilaporkan memperoleh kejayaan dan dunia Islam terus tidak bebas dari perjuangan merebut kuasa.

"Semua ini hanya berhasil mencapai satu perkara — kopuasan dan kegembiraan kepada musuh-musuh Islam, khususnya golongan Zionis," tegasnya ketika berucap di majlis jamuan malam meraikan Perdana Menteri Republik Turki, Enik Bulend Ulsu, di Sri Perdana di sini.

Inilah majlis rasmi

yang pertama diadakan di Sri Perdana, kediaman rasmi Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun negara-negara Islam dan dunia ketiga sedang mengalami zaman keuhlilan, peluang-peluang untuk mendapat kemajuan dan kemajuan wujud dengan bus.

"Allah telah mengurniakan kekayaan dan kepentingan strategi kepada dunia Islam khususnya. Apa yang diperlukan ialah rakyat negara-negara Islam dan dunia ketiga mengurangkan sengketa dalam negeri dan konflik dengan Jiran-Jiran, dan menumpukan perhatian kepada pembangunan

dan mengukuhkan hubungan antara mereka," ujarnya.

Beliau berkata, sunggubpun ia sukar dicapai, tetapi sekurang-kurangnya negara-negara yang telah mencapai kestabilan, seperti Malaysia dan Turki, harus terus berusaha dengan serius bagi mencapai matlamat itu.

"Kita panti jika ini dilakukan, usaha-usaha kita sudah tentu mencapai kejayaan, diikuti dengan yang lain," tambahnya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia yakin dialog yang benar dan persefahaman antara negara-negara Islam hanya dapat diwujudkan melalui hubungan pelbagai institusi sama ada di peringkat dua hala atau bertingkat hala.

Menurutnya, ini bukan sahaja membawa kepada kestabilan yang lebih kukuh di kalangan ummah tetapi juga mempercepat proses menukarkan keadaan kemunduran di negara-negara Islam dan dunia ketiga.

Mengenal hubungan Malaysia-Turki, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia berbangga kemajuan yang nyata telah dicapai dalam hubungan dua hala, terutama dalam tempoh satu dekad yang lalu.

Katanya, jika kerjasama dan hubungan itu diteruskan, tahun-tahun di hadapan akan lebih cerah dan berrti kepada kedua-dua negara.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri juga memuji kerajinan Turki kerana tugasanya meninggikan kemajuan ekonomi dan menyatupadukan negara-negara Islam dan menyatakan penghargaan di atas sokongan negara itu kepada usaha-usaha Asean mencari penyelesaian kepada isu Kampuchea.

Mengenal peristiwa Perombakan pesawat Korea oleh kapal terbang Russia yang menyebabkan kematian 269 penumpang dan kakitangan termasuk seorang rakyat Malaysia, beliau berkata, negara ini turut terkejut dan bersehd dengan kejadian itu.



● PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (kiri) mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatnya dari Turki, Enik Bulend Ulsu di Kuala Lumpur, semalam.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia